



MALAYSIA

AKTA PARLIMEN

No. 34 tahun 1967

AKTA WAKIL NEGARA ASING (KEISTIMEWAAN DAN KEKEBALAN) 1967

Teks ini HANYALAH TERJEMAHAN oleh Jabatan Peguam Negara, Kuala Lumpur, bagi *FOREIGN REPRESENTATIVES (PRIVILEGES AND IMMUNITIES) ACT 1967*. Melainkan dan sehingga ditetapkan sebagai sah di bawah seksyen 7 (1) Akta Bahasa Kebangsaan 1963/67 (Akta 32), ia bukannya perundangan.

MALAYSIA
Akta Parlimen
No. 34 tahun 1967

AKTA WAKIL NEGARA ASING
(KEISTIMEWAAN DAN KEKEBALAN) 1967

Suatu Akta untuk membolehkan keistimewaan dan kekebalan tertentu diberikan, berasaskan persalingan layanan, kepada wakil-wakil negara asing, yang adalah wakil-wakil selain daripada wakil-wakil yang ditauliahkan sebagai wakil-wakil diplomatik dan konsular.

[3hb Ogos 1967.]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Wakil Negara Asing (Keistimewaan dan Kekebalan) 1967, dan hendaklah terpakai di seluruh Malaysia. Tajuk ringkas dan pemakaian.

2. (1) Jika Yang di-Pertuan Agong berpuashati bahawa seseorang wakil Persekutuan yang ditauliahkan kepada atau ditempatkan di sesuatu negara asing diberikan apa-apa keistimewaan dan kekebalan yang dinyatakan dalam Konvensyen Vienna mengenai Hubungan Konsular dan Diplomatik, baginda boleh, berasaskan persalingan layanan, melalui perintah, menitahkan supaya wakil negara asing yang dinyatakan di dalam perintah itu, yang adalah seorang wakil yang ditauliahkan kepada atau ditempatkan di Persekutuan diberikan apa-apa keistimewaan dan kekebalan tersebut. Persalingan layanan.

[S. 2-4]

4

No. 34 TAHUN 1967

(2) Perintah yang dibuat di bawah seksyen ini hendaklah berkuatkuasa walau apa pun mana-mana undang-undang bertulis memperuntukkan sebaliknya.

Menahan dan menarik balik layanan.

3. Tiada apa-apa jua dalam Akta ini boleh ditafsirkan sebagai menghalang Yang di-Pertuan Agong dari menolak memberikan keistimewaan atau kekebalan kepada, atau dari menarik balik keistimewaan atau kekebalan itu daripada, wakil mana-mana negara asing oleh sebab negara itu gagal memberikan keistimewaan dan kekebalan yang bersamaan kepada wakil-wakil Persekutuan.

Tafsiran.

4. Bagi maksud Akta ini, "wakil" ertinya seorang wakil selain daripada seorang wakil diplomatik dan konsular.

*[Telah mendapat Persetujuan Diraja
pada 20hb Julai 1967.]*